



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1 (44)
Tarikh : 27 Februari 2023

**Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu**

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN
KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/5 Jld.1 (2) bertarikh 11 Oktober 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan berakhir 31 Disember 2022 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Tawau hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun yang berkaitan seperti di **Lampiran 1**.
- (b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Tawau adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya pada **10 Mac 2023 (Jumaat)**. PTJ perlulah menghantar **3 set lampiran ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan.
- (c) Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan (berasingan mengikut PTJ dipertanggung) serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

3. Format Pengesahan Baki serta Panduan Penyediaan Pengesahan Baki oleh PTJ Pembayar bagi tujuan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Tawau di <https://tawau.anm.gov.my/index.php/arkib-tawau/pengumuman/2023/arkib-pengumuman-2023>

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki dan penyediaan KKS Lejar Akruan hendaklah dirujuk kepada unit yang berkenaan di JANM Cawangan Tawau seperti berikut:

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1 (44)
Tarikh : 27 Februari 2023

Bil	Perkara	Unit / No. Telefon
1	Akaun Deposit (L11*) - Lampiran N (A) - Lampiran N (B)	Unit Akaun 089-775620/775621
2	Pengesahan Aset Bukan Kewangan/Inventori - Lampiran C1 – Aset Bukan Kewangan - Lampiran C2 – Inventori	Unit Pengurusan Aset 089-775620/775621.
3	Pengesahan Baki Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) – A0591101 - Lampiran D3 (A) & Lampiran D3 (B)	Unit Akaun 089-775620/775621
4	Pengesahan Baki Cek Tak Laku (CTL) – A0311101 - Lampiran E1	Unit Akaun 089-775620/775621
5	Pengesahan ABT Ongoing Receivables (A0481101) - Lampiran E5 dan E5(A)	Unit Akaun 089-775620/775621

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau

s.k. Unit Akaun – AM

LAMPIRAN 1

RINGKASAN ITEM PENYATA KEWANGAN YANG MEMERLUKAN PENGESAHAN PTJ MEMBAYAR

BIL.	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
1	ABT ONGOING RECEIVABLES	A048*	LAPORAN INVOIS TERPERINCI
2	ASET BUKAN KEWANGAN / INVENTORI	A14* - A25* DAN A06*/A07*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUJITI
3	WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK)	A0591101	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUJITI
4	PENGESAHAN BAKI CEK TAK LAKU (CTL)	A0311101	LAPORAN DAFTAR CEK TAK LAKU
5	DEPOSIT	L11*	LAPORAN RINGKASAN HASIL/BELANJA/ASET/LIABILITI/EKUJITI DAN LAPORAN KEDUDUKAN BAKI SUBSIDIARI/LAPORAN TERIMAAN TERDAHULU DAN DEPOSIT